

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada dalam negara tidak dapat ditentukan jumlahnya dengan tepat. Semua pendatang asing yang masuk melalui pintu masuk yang diwartakan adalah pendatang asing yang sah dan mematuhi syarat-syarat imigresen yang ditetapkan.**

**Melalui operasi penguatkuasaan yang telah dijalankan secara berterusan, iaitu sebanyak 8,274 operasi dijalankan dan seramai 133,384 orang warga asing diperiksa dan seramai 38,377 PATI berjaya ditangkap dari Januari 2016 sehingga 03 oktober 2016 kerana melakukan pelbagai kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63.**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini juga, melalui Program Serah Diri (Kompaun 3+1) yang telah dimulakan pada 22 Julai 2014 sehingga 3 Oktober 2016, seramai 409,634 orang PATI telah menyerah diri untuk balik ke Negara asal. PATI yang menyerah diri melalui Program ini disenarai hitamkan sebelum dihantar pulang ke negara asal.**

**Bagi menjawab soalan (b), untuk makluman Dewan yang mulia, bidang kuasa pengambilan pekerja asing bagi negeri Sabah terletak pada Kerajaan Negeri. Walaupun kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan**

**Republik Bangladesh pada 18 Februari 2016 namun perluasan pelaksanaan MoU ini ke negeri Sabah tertakluk kepada penerimaan Kerajaan Negeri.**